

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1998/99

Ogos 1998

UAW201 – Perkembangan Manusia dan Tamadun

Masa: (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi SATU muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

1. Apakah dia domestikasi tumbuhan dan haiwan? Bincangkan ciri-ciri fisiologi atau kelakuan yang perlu tumbuhan dan haiwan miliki supaya boleh didomestikasikan.
(100 markah)
2. Bincangkan asal-usul dan perkembangan tiga Dinasti: Xia, Shang, dan Zhou di China berdasarkan bukti-bukti arkeologi yang ditemui.
(100 markah)
3. Bincangkan asal-usul, kecermerlangan, dan kejatuhan tamadun awal di Mesoamerika.
ATAU
Bincangkan asal-usul, kecermerlangan, dan kejatuhan tamadun Rom.
(100 markah)
4. Bincangkan perkembangan tamadun Harappa di Indus dari segi asal-usul, perdagangan dan pertukaran, teknologi, organisasi politik dan sosial, agama, dan kejatuhannya.
(100 markah)
5. Bincangkan perkembangan tamadun Mesopotamia dari budaya Ubaid sehingga ke zaman dinasti ke III berdasarkan bukti-bukti arkeologi.
(100 markah)
6. Apakah definisi tamadun? Bincangkan kelima-lima teori tentang kemunculan tamadun dengan contoh-contoh tamadun terawal yang paling sesuai dengan teori-teori tersebut berdasarkan bukti-bukti yang ditemui.
(100 markah)
7. Tamadun Mesir ialah tamadun terawal yang lebih dikenali berbanding tamadun-tamadun yang lain. Berikan sebab-sebabnya berdasarkan bukti-bukti arkeologi.
(100 markah)

- ooo0ooo -